

13/12/1997

Akta kawal peniaga tamak

SUBANG, Jumaat - Kerajaan mungkin menggubal undang-undang mencegah peniaga barangan makanan meraih keuntungan berlebihan seperti yang dilakukan ketika zaman darurat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menambah, pengenalan peraturan itu perlu bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang makanan.

Kerajaan akan menyiasat terlebih dahulu punca sebenar kenaikan harga barangan sejak akhir-akhir ini bagi mengenal pasti puncanya, katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Subang Abdul Aziz Shah (L TSAAS) sekembalinya dari Sidang Puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Teheran, hari ini.

Perdana Menteri ingin mengetahui punca sebenar kenaikan harga barangan itu, terutama bagi barang makanan asas seperti gula, tepung, susu dan beras.

Berita Harian hari ini melaporkan ramai peniaga mengambil kesempatan menjual harga minyak masak antara lima hingga 60 sen lebih tinggi daripada paras harga yang ditetapkan kerajaan, sebelum tarikh penguatkuasaan harga baru itu pada 16 Disember ini.

Selain itu, harga ayam juga melebihi RM4.90 seperti ditetapkan kerajaan manakala harga gula, tepung dan susu meningkat sedangkan kerajaan hanya meluluskan penguatkuasaan harga barunya pada 1 Februari depan.

Tinjauan Berita Harian di beberapa kawasan luar bandar di Kelantan, Pahang, Johor, Kedah dan Selangor mendapati harga barangan berkenaan menunjukkan peningkatan yang membimbangkan.

Kebanyakan peniaga runcit terbabit mendakwa tertekan dengan pemborong yang menaikkan harga sehingga mereka juga terpaksa berbuat demikian bagi mengelakkan kerugian.

(END)